



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

JABATAN STANDARD MALAYSIA

7 DISEMBER 2023

PENGURUSAN INOVASI ORGANISASI DIMUDAHKAN DENGAN PELANCARAN MS ISO 56002:2019 – INNOVATION MANAGEMENT – INNOVATION MANAGEMENT SYSTEM - GUIDANCE

PULAU PINANG, 7 DISEMBER 2023 - Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengambil inisiatif untuk memudahkan pengurusan inovasi organisasi dengan pelancaran MS ISO 56002:2019 - *Innovation management - Innovation management system - Guidance* oleh YBhg. Datuk Bahria Mohd Tamil, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pelaburan), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) di *15th Asian Academy of Management International Conference 2023 (AAMC 2023)* pada 7-9 Disember 2023 bertempat di Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

MS ISO 56002 menyediakan panduan kepada penubuhan, pelaksanaan, pengendalian dan penambahbaikan berterusan terhadap sistem pengurusan inovasi kepada kegunaan semua organisasi yang ditubuhkan dengan memfokuskan pada inovasi dan daya saing organisasi dan pembangunan komuniti. Ia juga sejajar dengan matlamat Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), khususnya dari segi penggunaan teknologi dan pendigitalan, bertujuan untuk memacu inovasi, meningkatkan produktiviti, dan mencipta peluang baharu untuk pertumbuhan ekonomi.

AAMC 2023 anjuran bersama Pusat Pengajian Pengurusan, USM dan Akademi Pengurusan Asia yang bertemakan ***Creating a Sustainable Future: Powering Innovation and Accelerating Transformation*** telah dihadiri lebih daripada 100 peserta yang terdiri daripada penyelidik, ahli akademik, penggubal dasar, pengamal dan kumpulan profesional dalam bidang perniagaan dan pengurusan. Ia membincangkan keperluan inovasi untuk memacu transformasi, serta kepentingan pendekatan holistik dan bersepadu dalam menangani cabaran global masa kini.

Mengenai Jabatan Standard Malaysia

Jabatan Standard Malaysia (agensi di bawah MITI) adalah Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan menggalakkan penggunaan Malaysian Standards (MS); serta menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada makmal, badan pensijilan dan badan pemeriksaan. Ini seterusnya akan membangunkan industri tempatan, memudahkan perdagangan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.jsm.gov.my, Facebook: STANDARDS MALAYSIA, Twitter: STANDARDS_MY dan Instagram: standards_my

Unit Komunikasi Strategik

Jabatan Standard Malaysia

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)

Telefon: 03-8008 2891 Faks: 03-8008 2901

E-mel: soon@jsm.gov.my